

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI]

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan isu ladang-ladang yang telah dijual di negara ini tanpa diberi pampasan mengikut hak asasi manusia, apatah lagi ramai pekerja telah ditipu oleh majikan dan orang tengah. Contohnya, di Kawasan Parlimen Padang Serai, hampir 25 tahun Ladang Padang Meiha telah dijual namun pampasan untuk pekerja ladang tersebut masih belum dijelaskan walaupun keputusan mahkamah telah dikeluarkan. Maka, saya mencadangkan agar Kementerian menubuhkan satu suruhanjaya siasatan bagi menyelesaikan isu ini dan sekali gus mendapatkan keadilan bagi semua pekerja ladang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) memandang serius terhadap isu-isu pekerja-pekerja ladang apabila mereka dikehendaki tinggal di ladang. Untuk itu, Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan peraturan-peraturan di

SOALAN NO : 43

bawahnya dikuatkuasakan, bagi memastikan perumahan dan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh majikan ladang mematuhi standard minimum yang ditetapkan. Manakala hak dan perlindungan pengajian pekerja ladang juga di liputi melalui Akta Kerja 1955, apabila berlaku pemberhentian pekerja akibat dari penutupan/ penjualan syarikat ladang atau pengambilan tanah ladang oleh kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, berhubung isu Ladang Padang Meiha, Kulim Kedah, isu ini melibatkan tuntutan seramai 207 orang bekas pekerja East Asiatic Company Berhad (EAC) yang kini dikenali Hap Seng Consolidated Berhad (HSC). Kemudian ianya telah dijual kepada MBF Holding Sdn. Bhd. dan sekarang dikenali sebagai Alamanda Development Sdn. Bhd. (AD). Terkini pemilik ladang adalah syarikat Vintage Developer Sdn. Bhd.

3. Pada Mac 1995, Pejabat Tenaga Kerja Kulim telah membantu mendapatkan persetujuan terma penyelesaian pembayaran pampasan. Namun begitu pihak pekerja tidak bersetuju dengan terma tawaran rumah kos rendah di bayar oleh pekerja. Pihak Kerajaan Negeri Kedah melalui Pejabat Dearah Kulim telah membantu mendapatkan satu penyelesaian persetujuan berjumlah RM3,262,377.52 daripada pihak EAC.

4. Pada tahun 2003, pihak pekerja telah memfailkan tuntutan-tuntutan pekerja di Mahkamah Tinggi Alor Setar. Satu perintah telah dikeluarkan pada 23 Jun 2011 di mana pihak defendan iaitu Alamanda Development Sdn. Bhd (AD) iaitu pemilik baharu ladang perlu membayar pampasan kepada pekerja-pekerja. Pada masa yang sama Ladang Padang Meiha di bawah AD telah melantik *liquidator* iaitu Mustapha @ Raj Sdn. Bhd sebagai *receiver and manager* untuk penggulangan syarikat. Semua bayaran terhadap tuntutan pekerja tertakluk kepada prosedur undang-undang sedia ada.

SOALAN NO : 43

5. Tiada penyelesaian bayaran pampasan dicapai dan pihak kementerian telah mengadakan satu sesi perbincangan pada 4 Jun 2013. Didapati penjualan aset-aset syarikat masih tidak mencukupi untuk menyelesaikan tuntutan pekerja yang berjumlah RM450 juta. Oleh yang demikian, selepas diputuskan oleh Mahkamah tindakan lanjut boleh diteruskan dengan tindakan penguatkuasaan perintah samada melalui tindakan Writ Penyitaan dan Penjualan (*Writ Seizure & Sale - WSS*), Saman Penghutang Penghakiman (*Judgement Debtor Summons - JDS*) dan sebagainya. Pihak pekerja telah pun melantik peguam untuk mengambil tindakan lanjut kes berkenaan ke Mahkamah Tinggi Alor Setar.

6. Pada 18 Disember 2017, bekas pekerja telah mengadakan tunjuk perasaan di perkarangan Pejabat YAB Perdana Menteri dan mengemukakan memorandum menuntut bayaran Perintah Mahkamah Tinggi yang bertarikh 23 Jun 2011. Hasil perbincangan dengan Penasihat Undang-Undang kementerian di dapati pihak pekerja boleh meneruskan pelaksanaan Perintah Mahkamah Tinggi melalui peguam yang di lantik. Oleh kerana kes telah dirujuk ke Mahkamah Tinggi, maka ianya adalah diluar bidang kuasa kementerian untuk menubuhkan suruhanjaya siasatan mengenainya.

Sekian, terima kasih.